

**KESEDIAAN PENSYARAH PENGKHUSUSAN PENGAJIAN AGAMA
DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
BERBANTUKAN KOMPUTER**

ZELKEPLI BIN SHAHROM

**LAPORAN PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(REKABENTUK INSTRUKSIONAL DAN TEKNOLOGI)**

**FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2005



PENGAKUAN

Saya mengaku laporan projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

30.04.2005

ZELKEPLI BIN SHAHROM
200200529





Penghargaan

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufiq dan hidayah Nya, kertas projek ini dapat disiapkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan berbilang terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia utama projek saya, Profesor Madya Dr. Abdul Latif Bin Haji Gapor yang sudi memberikan panduan, tunjuk ajar, nasihat serta bimbingan yang berterusan sangat dihargai. Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada Tuan Pengarah, Maktab Perguruan Islam, Ketua Jabatan Pendidikan Islam, Ketua Jabatan Al-Quran dan Sunnah, Ketua Jabatan Bahasa Arab dan Ketua Jabatan Teknologi Pendidikan, Maktab Perguruan Islam, Bangi yang telah banyak memberikan kerjasama membantu saya menyelesaikan soal selidik kajian ini dan seterusnya hingga siapnya projek ini. Terima kasih juga saya tujukan kepada Tuan Haji Fauzi Bin Mat Daud, dari Maktab Perguruan Teknik, Kuala Lumpur dan Tuan Haji Mokhtar Bin Adnan yang membantu dan tunjuk ajar dalam pemprosesan data SPSS.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pensyarah pengkhususan agama Maktab Perguruan Islam yang telah melibatkan diri sebagai sample dalam kajian ini. Juga ucapan terima kasih ditujukan kepada Jabatan Perancangan dan Penyelidikan, Maktab Perguruan Islam, Bangi yang memberikan sokongan terhadap kajian ini. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah kuliah subjek penyelidikan yang telah banyak memberikan tunjuk ajar berkaitan dengan penyelidikan sepanjang tempoh pengajian saya di universiti ini.

Akhir kata ucapan dan penghargaan yang tidak terhingga kepada isteri tersayang Haslina Tiong Bte Abdullah serta anak-anak Siti Zulikha, Siti Sharikha dan Siti Norazlikha yang telah memberikan dorongan dan kerjasama serta bersabar sepanjang tempoh pengajian saya.





Abstrak

Kajian bertujuan untuk melihat dan mengenalpasti tahap kesediaan pensyarah pengkhususan pengajian agama dalam penggunaan komputer untuk pengajaran dan pembelajaran di maktab perguruan. Kajian ini menggunakan soal selidik yang mengandungi dua bahagian (a) latar belakang responden (b) tahap kesediaan pensyarah dan tentang pengetahuan dan kemahiran perisian komputer. Sebanyak tiga puluh dua borang soal selidik diedarkan kepada pensyarah pengkhususan dan telah dikembalikan sebanyak dua puluh enam. Penganalisan data menggunakan program SPSS di mana statistik diskriptif menggunakan peratusan, min dan sisihan piawai bagi menjawab persoalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan pensyarah pengkhususan agama adalah tinggi pada skor min : 3.80 . Walau bagaimanapun tahap pengetahuan pensyarah tentang program komputer adalah sederhana pada tahap skor min: 2.38 dan tahap kemahiran program komputer adalah rendah tahap skor min : 2.30. Dicaungkan supaya pensyarah pengkhususan agama diberikan kursus dalaman yang lebih intensif untuk menguasai pengetahuan dan kemahiran komputer.





Readiness of Islamic Studies Lecturers In Computer Assisted Teaching and Learning Process

Abstract

The research intends to study and to identify the level of lecturers preparation for the specifications in Islamic study by using computers. This method will be applied for teaching and learning in teachers' training college. The instrument in the research consists of two parts, that is (a) background of respondents (b) lecturer's level of readiness and their knowledge about and skills in using computer software. Thirty-two sets of questionnaire were distributed to the respondents and twenty-six of the questionnaire were returned. The application of data analization was done by using SPSS programme. The description was carried out by using percentage, mean and standard evaluation were used to answer the problem statement. The findings of the survey shows that the level of readiness of the lecturer's majoring in Islamic Studies is high with a mean score of 3.80. However, the level of knowledge about computer is satisfactory with a mean score of 2.38, and the level of skill is low with a mean score of 2.30. It is recommended that lecturers majoring in Islamis studies be given in-house traning so that they are able to acquire the computer knowledge and develop their computer skills.



KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iii
	ABSTRAK	iv
	ABSTRACT	v
	HALAMAN KANDUNGAN	vi
	SENARAIJUDUL	vi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	

1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Objektif Kajian	3
1.4	Pernyataan Masalah	4
1.5	Tujuan Kajian	5
1.6	Persoalan Kajian	6
1.7	Kerangka Konsep Kajian	6
1.8	Kepentingan Kajian	8
1.9	Batasan Kajian	9
1.10	Definisi Operasional / Istilah	9
1.10.1	Kesediaan	9
1.10.2	Pensyarah Pendidikan Islam	10

1.10.3	Pendidikan Islam	10
1.10.4	Pengajaran Berbantuan Komputer / Computer Aided Instruction (CAI)	11
1.10.5	Sikap	12
1.10.6	Kemudahan-kemudahan	12
1.10.7	Maktab / Institut Perguruan	12
1.10.8	Perkakasan	12
1.10.9	Grafik	13
1.10.10	Spreadsheet / Hamparan Elektronik	13
1.10.11	Persepsi	13

2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	15
2.2	Pengajaran Berbantuan Komputer (CAI)	16
2.3	Keberkesanan Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	17
2.4	Kesediaan Pensyarah Menggunakan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	19
2.4.1	Pengetahuan Tentang Komputer	19
2.4.2	Kemahiran Dalam Menggunakan Komputer	20
2.4.3	Persepsi Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	22

METHODOLOGI KAJIAN

3	3.1	Pengenalan	24
	3.2	Reka Bentuk Kajian	25
	3.3	Populasi Kajian	26



3.4	Sampel Kajian Carta Organisasi Jabatan	26
3.4.1	Responden Di Kalangan Pensyarah Pengkhususan Pendidikan Agama	27
3.5	Instrumen Kajian	29
3.5.1	Soal Selidik	30
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	31
3.7	Prosedur Penganalisisan Data	31
4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	33
4.2	Profil Responden	34
4.3	Tahap Kesiediaan Pensyarah Menggunakan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	38
4.3.1	Kesiediaan Pensyarah Terhadap Kesesuaian Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	40
4.3.2	Kesiediaan Pensyarah Terhadap Keberkesanan Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	44
4.3.3	Kesiediaan Pensyarah Terhadap Keselesaian Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	48
4.3.4	Kesiediaan Terhadap Pensyarah Untuk Mempelajari komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	52
4.4	Persepsi Pengetahuan dan Kemahiran Pensyarah Tentang Program Komputer	56



4.4.1	Tahap Pengetahuan Tentang Program Komputer	59
4.4.2	Tahap Kemahiran Tentang ProgramKomputer	61

5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	62
5.2	Perbincangan	63
5.2.1	Aspek Kesediaan Pensyarah Menggunakan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	64
5.2.2	Pengetahuan dan Kemahiran Pensyarah Tentang Program Komputer	65

5.3	Rumusan	66
5.4	Cadangan	67

	RUJUKAN	69
--	---------	----

LAMPIRAN

Borang SoalSelidik



SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Kandungan Soal Selidik Pensyarah Pengkhususan Pendidikan Islam	30
3.2	Interpretasi Skor Min Bagi Tahap Proses Pelaksanaan Projek Pemupukan Budaya Penyelidikan Dan Tahap Budaya Penyelidikan	32
4.1	Profil Pensyarah	34
4.2	Tahap Keseluruhan Kesediaan Pensyarah Menggunakan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	39
4.3	Skor Min Dan Sisihan Piawai Kesesuaian Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Berdasarkan Persepsi Pensyarah	41
4.4	Asas Kesesuaian Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	42
4.5	Skor Min Dan Sisihan Piawai Keberkesanan Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Berdasarkan Persepsi Pensyarah	45
4.6	Keberkesanan Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	46
4.7	Skor Min Dan Sisihan Piawai Keselesaian Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Berdasarkan Persepsi Pensyarah	49
4.8	Keselesaian Menggunakan Komputer Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	50





4.9	Skor Min Dan Sisihan Piawai Kesianan Mempelajari Komputer Berdasarkan Persepsi Pensyarah	53
4.10	Kesianan Mempelajari Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	54
4.11	Skor Min Dan Sisihan Piawai Terhadap Pengetahuan Dan Kemahiran Pensyarah Tentang Program Komputer	57
4.12	Tahap Pengetahuan Tentang Program Komputer	59
4.13	Tahap Kemahiran Tentang Program Komputer	60





SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1	Konsep Kerangka Kajian	7
Rajah 2	Carta Organisasi Jabatan Maktab Perguruan Islam	28





SENARAI SINGKATAN

BPG	- Bahagian Pendidikan Guru
CAI	- Computer Aided Instruction
CAL	- Computer Assisted Learning
CBI	- Computer Based Instruction
CBL	- Computer Based Learning
CMI	- Computer Managed Instruction
FPN	- Falsafah Pendidikan Negara
ICT	- Information Communication Technology
MSC	- Multimedia Super Corridor
P & P	- Pengajaran dan Pembelajaran
PBK	- Pembelajaran Berbantuan Komputer
R & D	- Research and Development
SPSS	- Statistical Package For The Social Science





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Falsafah Pendidikan Negara (FPN) secara langsung menyarankan semua pihak yang terlibat secara langsung dengan pendidikan guru agar berusaha untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat negara.

Dari pernyataan FPN jelas menunjukkan bahawa, matlamat sistem pendidikan di Malaysia adalah untuk melahirkan sumber tenaga manusia yang mempunyai daya intelektual yang tinggi, berketrampilan dan berkeupayaan menempuh cabaran teknologi maklumat yang akan begitu mencabar. Usaha ini sudah pasti perlu dilaksanakan agar hasrat negara melalui WAWASAN 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju mengikut acuan sendiri akan dapat dicapai.





Bagi memenuhi tuntutan ini, peranan institusi pengajian tinggi seperti maktab dan institut perguruan tidak dapat dinafikan adalah sangat penting. Ini kerana institusi inilah yang melahirkan insan guru yang akan berkhidmat disekolah-sekolah. Justeru itu guru-guru permulaan yang dilahirkan itu perlulah memiliki keterampilan yang tinggi dalam berbagai aspek keguruan yang terkini terutama dalam bidang teknologi maklumat.

Pensyarah-pensyarah yang menjadi sumber tenaga manusia yang menggerakkan maktab dan institut perguruan di Malaysia perlu digembleng tenaga ke arah melaksanakan pengajaran yang berorientasikan teknologi maklumat. Justeru itu, pengajaran yang menggunakan kelengkapan moden seperti penggunaan komputer perlu dikuasai oleh pendidik guru. Para pensyarah perlu menguasai kecekapan dalam pengajaran berbantuan komputer (CAI - Computer Assisted Instruction). Oleh yang demikian satu kajian terperinci mengenai penggunaan komputer dalam pengajaran di bilik-bilik kuliah di kalangan pensyarah khasnya pensyarah matapelajaran pengkhususan Pendidikan Agama adalah perlu untuk mengetahui perkembangan teknologi maklumat di kalangan para pendidik guru.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kerajaan Malaysia telah melancarkan projek Multimedia Super Corridor (MSC) pada 1996. Koridor yang menekankan teknologi maklumat sebagai elemen utama dalam pengurusan dan pentadbiran jabatan kerajaan dan swasta, universiti serta telekomunikasi telah mencetuskan idea untuk melakukan penyelidikan ini. Kepesatan perkembangan era teknologi maklumat ini dengan jelas telah menuntut pendidik guru





untuk melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran dalam teknologi maklumat selaras dengan tuntutan '*Information Age*'.



✓ Ditambah dengan langkah Kementerian Pendidikan Malaysia yang mengumumkan untuk melancarkan Sekolah Bestari pada tahun 1998 di beberapa sekolah percubaan dan seterusnya di sekolah seluruh negara secara langsung telah mendorong penyelidikan ini dibuat. Bagi memenuhi tuntutan tersebut institusi perguruan sudah pasti perlu memenuhi keperluan sekolah dengan mengeluarkan guru-guru permulaan yang serba boleh dalam teknologi maklumat. Yang nyata adalah setakat manakah kesediaan pensyarah-pensyarah di maktab dan institut perguruan bersedia ke arah untuk memenuhi keperluan Sekolah Bestari ini. Kajian ini memberi tumpuan kepada usaha melihat sejauhmanakah pensyarah menguasai kemahiran-kemahiran teknologi maklumat yang digunakan dalam tugas-tugas yang berkaitan dengan profesion mereka.



1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meninjau pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam selaras dengan saranan Bahagian Pendidikan Guru (BPG) yang telah menekankan tentang pentingnya penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Maktab Perguruan Islam dalam meningkatkan kualiti pendidikan dalam bidang Pendidikan Guru. Dapatan dari kajian ini akan dapat dijadikan sumber maklumat oleh semua pihak yang terlibat dalam pendidikan guru khususnya dalam pendidikan guru Pendidikan Agama.





1.4 Pernyataan Masalah

Dalam usaha untuk meneroka era '*Knowledge Society*' atau '*Information Age*' para pensyarah harus tidak ketinggalan dalam mengejar arus pembangunan dalam teknologi maklumat. Pengajaran berbantuan komputer tidak dapat dinafikan kepentingannya pada masa ini. Ia merupakan satu bidang baru dan sangat penting dalam sistem pendidikan memandangkan perkembangan teknologi maklumat pada dekad ini menuntut setiap institusi dan individu menguasai kemahiran menggunakan media elektronik ini. Lebih-lebih lagi setelah kerajaan mengistiharkan penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang sudah pasti memerlukan ramai tenaga manusia yang mempunyai kemahiran dalam bidang ini.

Kajian ini perlu dijalankan kerana sehingga kini banyak pihak yang tidak mengetahui bagaimana dan sejauhmanakah kesediaan pensyarah dalam menghadapi pengajaran berbantuan komputer, sedangkan dalam perkembangan pengajaran dan pembelajaran dalam sistem pendidikan pada masa kini disarankan untuk melaksanakan pengajaran berbantuan komputer selaras dengan penubuhan Sekolah Bestari dan Maktab Bestari.

Sejajar dengan pandangan Mohammad Ikhsan (1996) dalam Seminar Maktab Bestari beliau mengatakan;

'Sebarang perubahan biasanya kurang disenangi oleh pihak yang terlibat kerana mereka meninggalkan pegangan dan keyakinan yang telah lama mereka percayai dan pada masa yang sama mereka terpaksa menguasai pengetahuan dan kemahiran baru.'





Halangan ini memerlukan usaha yang berterusan untuk mengubah keyakinan mereka terhadap kelebihan melaksanakan methodologi berasaskan teknologi, merancang, melaksana dan menilai latihan 'in-house' mengikut tahap kepeluan mereka dan dalam masa yang sama berusaha menyediakan sistem sokongan berbentuk fizikal dan psikologikal untuk membantu mereka menguasai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan'.

Memandangkan Maktab Perguruan Islam menjadi institusi pendidikan yang melahirkan guru-guru terlatih maka sangat wajarlah maktab / institut mengamalkan teknik pengajaran berbantuan komputer dalam pengajaran. Untuk memastikan pelaksanaan tersebut maka kajian ini akan cuba menjawab beberapa permasalahan yang terdapat dalam soalan-soalan kajian.

1.5 Tujuan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti kesediaan dalam beberapa aspek yang berkaitan dengan penggunaan komputer dalam pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam di kalangan pensyarah berpengkhususan Pendidikan Islam di Maktab Perguruan Islam. Berikut adalah ;

- i) Untuk mengetahui tahap pengetahuan pensyarah Pendidikan Islam tentang pengajaran Pendidikan Islam berbantuan komputer.
- ii) Untuk mengetahui kesediaan pensyarah dari segi sikap ke arah pengajaran berbantuan komputer juga telah dikaji.

hs: 5-6





- iii) Untuk mengetahui tentang kemudahan-kemudahan fizikal ke arah melaksanakan pengajaran berbantuan komputer yang sedia ada di maktab. Ini termasuklah kemudahan makmal komputer, kemudahan menggunakan komputer dan kursus-kursus yang diperlukan oleh pensyarah untuk melaksanakan pengajaran berbantuan komputer.

1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang dijawab dalam kajian ini adalah;

- 1.6.1 Sejauhmanakah tahap kesediaan pensyarah terhadap kesesuaian penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran?
- 1.6.2 Sejauhmanakah kesediaan pensyarah terhadap keberkesanan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran?.
- 1.6.3 Sejauhmanakah kesediaan pensyarah terhadap keselesaan penggunaan komputer dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran?
- 1.6.4 Sejauhmanakah tahap kesediaan pensyarah untuk mempelajari komputer dalam pengajaran dan pembelajaran?
- 1.6.5 Apakah tahap pengetahuan dan kemahiran pensyarah terhadap program-program komputer?

1.7 Kerangka Konsep Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesediaan pensyarah dalam penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Fokus kajian ini menekankan kepada empat perkara iaitu kesediaan pensyarah yang dilihat dari aspek





- iii) Untuk mengetahui tentang kemudahan-kemudahan fizikal ke arah melaksanakan pengajaran berbantuan komputer yang sedia ada di maktab. Ini termasuklah kemudahan makmal komputer, kemudahan menggunakan komputer dan kursus-kursus yang diperlukan oleh pensyarah untuk melaksanakan pengajaran berbantuan komputer.

1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang dijawab dalam kajian ini adalah;

- 1.6.1 Sejauhmanakah tahap kesediaan pensyarah terhadap kesesuaian penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran?
- 1.6.2 Sejauhmanakah kesediaan pensyarah terhadap keberkesanan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran?
- 1.6.3 Sejauhmanakah kesediaan pensyarah terhadap keselesaan penggunaan komputer dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran?
- 1.6.4 Sejauhmanakah tahap kesediaan pensyarah untuk mempelajari komputer dalam pengajaran dan pembelajaran?
- 1.6.5 Apakah tahap pengetahuan dan kemahiran pensyarah terhadap program-program komputer?

1.7 Kerangka Konsep Kajian


Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesediaan pensyarah dalam penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Fokus kajian ini menekankan kepada empat perkara iaitu kesediaan pensyarah yang dilihat dari aspek





kesesuaian penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran, keberkesanan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran, kesselesaian atau kebimbangan menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran dan kesediaan mempelajari kemahiran komputer yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Rajah 1 : Konsep Kerangka Kajian.





1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat perlu kerana ia selaras dengan transformasi radikal yang berlaku di dalam Kementerian Pendidikan dalam menghadapi era Teknologi Maklumat. Penubuhan Maktab Bestari dan Sekolah Bestari yang mengutamakan penggunaan pekakasan dan perisian multimedia / komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah menambahkan lagi kepentingan kajian ini.

Oleh kerana transformasi ini perlu dilakukan melalui perubahan kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, persiapan awal dan kesediaan pensyarah dalam menghadapi suasana pengajaran berbantuan komputer adalah sangat penting untuk diketahui. Dapatan kajian ini akan dapat membantu pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam merealisasikan maktab dan sekolah



Justeru maktab perguruan adalah institut yang bertanggungjawab melahirkan guru, maka seluruh proses pengajaran dan pembelajaran guru pelatih di maktab perguruan perlu mengalami perubahan yang selaras dengan perubahan yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan. Dengan ini tindakan-tindakan penambahbaikan akan dapat dirancang dan dilaksanakan agar penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan.





1.9 Batasan Kajian

Kajian ini terhad kepada beberapa aspek berikut:

1.9.1 Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesediaan pensyarah

Pendidikan Islam menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Fokus kajian ini terhad kepada empat aspek kesediaan iaitu aspek kesesuaian penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran, keberkesanan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran, keselesaan atau kebimbangan menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran dan kesediaan mempelajari kemahiran komputer.

1.9.2 Sampel kajian ini melibatkan Maktab Perguruan Islam sahaja. Oleh itu

kajian ini hanya dapat dikaitkan secara keseluruhan bagi tahap kesediaan kepada pensyarah pengkhususan Pendidikan Islam.

1.9.3 Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik, ketepatan kajian ini

adalah bergantung kepada kejujuran responden memberikan jawapan terhadap pernyataan-pernyataan yang dikemukakan dalam soalan selidik tersebut

1.10 Definisi Operasional / Istilah

Terdapat beberapa istilah-istilah yang digunakan untuk memudahkan perbincangan dalam kajian ini adalah didefinisikan seperti berikut :

1.10.1 Kesediaan

Keadaan mental, fizikal dan sikap seseorang individu yang membolehkannya menguasai sesuatu kemahiran atau sikap yang boleh dikuasai. Kemahiran tersebut adalah kemahiran menggunakan komputer dalam membuat persediaan mengajar,





pengajaran di dalam bilik kuliah dan juga dalam menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan profesion.

1.10.2 Pensyarah Pendidikan Islam

Kakitangan atau Staf Akademik yang bertugas mengajar atau memberi kuliah mata pelajaran Pendidikan Islam di Maktab Perguruan Islam di bawah Kementerian Pendidikan .

1.10.3 Pendidikan Islam

Mata pelajaran yang diajar oleh pensyarah Pendidikan Islam di Maktab Perguruan di bawah Kementerian Pendidikan berasal dari perkataan “didik” ertinya pelihara, ajar atau jaga dengan hati-hati. Maka pendidik dimaksudkan, satu proses yang berterusan untuk menjaga dan memelihara pembesaran tubuh badan dan pertumbuhan bakat manusia dengan rapi supaya mereka dapat lahir sebagai orang yang berilmu, baik tingkah laku serta dapat mengekalkan nilai-nilai budaya di kalangan masyarakat mereka.

Perkataan dalam bahasa Arab disebut “Tarbiyah, Ta’alim dan Ta’dib” yang bererti pendidikan, pembelajaran dan pembentukan budi pekerti adalah dirujuk kepada Al-Quran.

Definisi Pendidikan Islam menjelaskan sebagai proses mendidik dan melatih aqliah, jasmaniah dan rohaniah manusia berasaskan nilai-nilai Islamiah yang bersumberkan wahyu. Ia juga merupakan sebagai “Proses by which behavioral changes take place in an individual as a result of experiences which he has undergone” yang menjelaskan bahawa pendidikan bukan hanya bererti penguasaan ilmu (knowledge) atau kemahiran (skills) , tetapi mencakupi pengalaman-pengalaman yang didapati di luar institusi formal (sekolah). Pengertian ini adalah mencakupi aspek yang





luas iaitu gabungan antara pendidikan formal dan non-formal pendidikan yang diperolehi di sekolah dan pendidikan seumur hidup.

1.10.4 Pengajaran Berbantuan Komputer / Computer Aided Instruction (CAI)

Proses menyampaikan maklumat atau ilmu dari guru kepada muridnya dengan tujuan membawa perubahan tingkah laku di kalangan mereka (Ee Ah Meng, 1993) dengan menggunakan kemudahan komputer sebagai media pengajaran.

Pada pertengahan 80 an, iaitu apabila perisian aplikasi semakin banyak terdapat di pasaran, komputer tidak lagi digunakan untuk Pembelajaran Berbantuan Komputer atau untuk mencapai literasi komputer sahaja (Zoraini, 1992). Pada masa ini muncul konsep (pendekatan) baru Pengajaran Berinteraksikan Komputer. Ia boleh didefinisikan sebagai perintergrasian komputer merentasi kurikulum meliputi semua subjek. Dalam lain perkataan, komputer dan perisian aplikasi digunakan untuk mencapai objektif pengajaran / pembelajaran di bilik darjah.

Berbanding dengan Pembelajaran Berbantuan Komputer, guru tidak bergantung kepada perisian kursus. Guru cuma perlukan inisiatif dan kreativiti untuk mengaplikasikan perisian aplikasi ke dalam topik yang diajar. Oleh itu Pengajaran Berinteraksikan Komputer lebih mudah dilaksanakan berbanding dengan Pembelajaran Berbantuan Komputer. Dengan sebuah komputer yang bersambung ke projektor LCD (Liquid Crystal Display) yang terletak di atas projektor overhead, guru dapat menggunakan pendekatan Pengajaran Berinteraksikan Komputer. Perkakasan ini boleh diletakkan di hadapan kelas. Buat permulaan satu atau dua buah boleh dikhaskan untuk tujuan Pengajaran Berinteraksikan Komputer di sekolah.





1.10.5 Sikap

Keadaan mental di mana individu sentiasa sudah bersiap sedia untuk bertindak balas berdasarkan nilai-nilai peribadi diri sendiri. Tindak balas ini boleh jadi positif, negatif, menyetujui atau menentang (Ainon Mohamad, 1997)

1.10.6 Kemudahan-kemudahan

Infrastruktur, peralatan dan perkhidmatan yang disediakan oleh maktab untuk kegunaan pelajar dan pensyarah menikmatinya.

1.10.7 Maktab / Institut Perguruan

Institusi pendidikan yang menyediakan latihan perguruan kepada bakal guru di bawah Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia. Maktab perguruan Institusi yang memberikan latihan dan kemahiran yang ingin menjadi guru.

1.10.8 Pekakasan yang mengandungi perisian tertentu yang boleh digunakan

untuk memudahkan tugas. Semasa komputer mula dicipta, ia digunakan untuk memproses nombor atau menyelesaikan masalah matematik. Kini komputer digunakan untuk mencipta grafik, mengurus masa, menghantar dokumen, mencipta muzik, mensimulasi keadaan dan sebagainya. Komputer telah menjadi alat ataupun berperanan sebagai tutor. Ia boleh memberkesankan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Seterusnya, ia akan mempertingkatkan taraf profesionalisme seorang guru.

Pendekatan multimedia juga membawa pengertian kepada maklumat yang disampaikan terdiri daripada gabungan berbagai bentuk media seperti audio digital, video digital, animasi grafik, gambar tegak dan juga teks.

Pengguna dibenarkan menjelajah ke setiap satu halaman yang diberikan dengan kehendaknya sendiri. Dalam erti kata lain, maklumat berada di hujung jari





anda. Apa yang penting di sini ialah teknologi bukanlah pengganti kepada guru, tetapi ia digunakan supaya guru lebih produktif.

1.10.9 Grafik

Teknik persembahan maklumat yang berbentuk rajah, gambarajah, jadual, carta dan lain-lain yang ringkas tetapi padat dengan menggunakan perisian komputer yang khusus.

1.10.10 "Spreadsheet" / Hamparan Elektronik

Helaian jadual yang mengandungi sel-sel aktif yang boleh memuatkan data pada sesuatu masa tertentu. Lajur yang membentuk satu susunan data boleh dimanipulasi. Melalui hamparan elektronik, guru pelatih/pelajar dapat memahami sesuatu fenomena atau dapat meramal situasi dengan jelas. Hamparan elektronik boleh digunakan untuk menunjukkan kiraan zakat dengan mudah dan cepat, atau dalam perkara yang berkaitan dengan baitulmal atau takaful misalnya.

Pensyarah juga dapat menggunakan hamparan elektronik sebagai 'hamparan gred' iaitu menyimpan nama pelajar dan markah yang diperolehi dalam ujian semester. Hamparan elektronik memudahkan pengiraan kerana dengan komputer, formula ditaipkan sekali sahaja dan pengiraan dibuat secara automatik dan dengan pantas.

1.10.11 Persepsi

Persepsi atau tanggapan ialah satu proses mengambil perhatian terhadap fenomena subjektif yang bermakna. Tegasnya persepsi sangat penting untuk mengenal pasti pandangan, pendapat, penerimaan atau rasa tidak setuju terhadap apa sahaja yang dilihat atau apa yang dikaji. Dengan ini persepsi terhadap sesuatu perkara merupakan rangsangan hasil daripada interaksi individu terhadap persekitarannya. Dalam kajian





ini persepsi pensyarah adalah mustahak untuk menentukan pendapat dan pandangan terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran di Maktab Perguruan Islam.

